

500 penuntut UTHM sertai program khidmat masyarakat

BATU PAHAT 23 Dis. - Seramai 500 mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai program Operasi Khidmat Masyarakat 2014 (Opkim 2014) di Sri Medan, dekat sini baru-baru ini.

Ketua Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, 450 daripada peserta merupakan Siswa-siswi Pertahanan Awam (Sispa) manakala bakinya ialah ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah UTHM.

"Program ini bertujuan mendorong mahasiswa UTHM mendekatkan diri dengan masyarakat di samping mempraktik dan menyebar ilmu serta kemahiran yang dipelajari selaras dengan misi universiti untuk me-

menuhi keperluan industri dan komuniti.

"Usaha ini juga menyokong dan membantu pihak pengurusan Sispa UTHM dan universiti melahirkan mahasiswa merangkap pegawai yang berkebolehan dalam pelbagai bidang," katanya dalam satu kenyataan.

Majlis penutupan program disempurnakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Prof. Dr. Ir. Amir Hashim Mohd. Kassim di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Sulaiman.

Shafry berkata, selain tinggal bersama keluarga angkat untuk menyelami lebih dekat kehidupan masyarakat, mereka turut menyer-

tai pelbagai aktiviti lain antaranya ceramah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ceramah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, pembelajaran balutan dan alat pemadam api kecil serta lawatan ke pusat industri kecil dan sederhana (IKS).

"Nilai-nilai murni masyarakat seperti hormat-menghormati, saling bertegur sapa, bergotong royong dan ziarah perlu dipupuk dan disemai kepada generasi muda supaya mereka mempunyai jati diri yang kukuh.

"Program anak angkat dan khidmat masyarakat ini adalah salah satu bentuk proses pembelajaran untuk meningkatkan kematangan mereka," katanya.



AMIR HASHIM MOHD. KASSIM (depan, lapan dari kanan) bersama para pegawai Jabatan Pertahanan Awam dan peserta program Opkim 2014 di Dewan SMK Datuk Sulaiman, Sri Medan, Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.